



# KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>

## UCAPAN KHAS SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI DARIPADA Pengerusi KOPERKASA

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*  
*🕌 Salam Sejahtera*

Para anggota yang amat dihargai,

Hari Raya Aidilfitri atau Hari Raya Puasa yang bakal tiba dalam beberapa hari lagi merupakan satu perayaan besar yang disambut oleh seluruh umat Islam.

Perayaan yang disebut sebagai Hari Lebaran ini juga merupakan hari kegembiraan dan hari kemenangan bagi umat Islam yang telah berjaya melaksanakan ibadat dengan sempurna serta menahan lapar dan dahaga di sepanjang bulan Ramadan.

Dalam kemeriahan persiapan umat Islam menjelang Syawal, kita masih lagi berpeluang untuk meneruskan ibadat dalam bulan Ramadan yang masih tinggal beberapa hari lagi.

Oleh itu, sama-sama kita ambil kesempatan ini untuk meningkatkan ibadat kita supaya diberi ganjaran yang berlipat kali ganda oleh yang Maha Esa.

Selain sambutan Aidilfitri, dalam tahun 2024 ini juga Koperkasa bakal mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan di 3 tempat iaitu Kuching, Sibul dan Miri pada bulan Mei 2024 nanti.

Demi kemajuan dan kelangsungan Koperkasa, di sini saya menyeru agar para anggota Koperkasa untuk hadir dan menjalankan tanggungjawab untuk mengundi dan memilih barisan perwakilan yang terbaik bagi sesi seterusnya.

Semoga dengan barisan Perwakilan yang bakal dipilih kelak, Koperkasa akan terus maju di bawah kepimpinan para Anggota Lembaga dan tadbir urus pihak pengurusan Koperkasa.

Akhir kata, saya mewakili Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Para Perwakilan dan seluruh warga kerja Koperkasa mengucapkan:



Fathi Bin Haji Hambali C.A.(M),PPC,PBK,PPB,PPS

Pengerusi


Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad

7 April 2024



# SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI MAAF ZAHIR & BATIN

*Nkhlas daripada,*  
Anggota Lembaga Koperkasa



Othman Bin Bujang <sup>BBS</sup>  
SETIAUSAHA



Mohamad Adzman Bin Abdullah  
BENDAHARI



Raden Amri Bin Raden  
Othman  
ALK



Haji Omar Bahrein Bin  
Unin <sup>ABK</sup>  
ALK



IR. Zaidi Bin Pathi <sup>PPB</sup>  
ALK



Ahmad Bin Malie  
ALK



Yong Ing Thung <sup>PPB</sup>  
ALK



Richard Engan Ang  
ALK



Haji Azahari Bin Sobet  
ALK



Abdoll Kader Bin Osman  
ALK



Ramzi Bin Gusti  
ALK